



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PELUNCURAN BANTUAN RAWATAN KESUBURAN
DAN ADVOKASI INFERTILITI (BuAI)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN PAVILLION, PUSAT KELUARGA LPPKN BERTAM,
KEPALA BATAS - PULAU PINANG
26 FEBRUARI 2025 (RABU)
3.10 PTG**

Kemas kini 25 Februari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, kita bersyukur kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul hari ini untuk majlis peluncuran **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)**. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang hadir, termasuk rakan-rakan media yang sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam memperkukuhkan institusi keluarga.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada LPPKN yang telah berkhidmat dalam bidang rawatan kesuburan selama lebih empat dekad. Selama ini, LPPKN memainkan peranan penting dalam membantu pasangan yang ingin menimang cahaya mata.

CABARAN KETIDAKSUBURAN ATAU SUBFERTILITI

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Masalah ketidaksuburan bukanlah sesuatu yang jarang berlaku. Secara global, sekitar 15% pasangan menghadapi isu ini. Di Malaysia, hampir satu pertiga pasangan yang berkahwin kurang daripada lima tahun masih belum dikurniakan zuriat.

4. Lebih membimbangkan, kadar kesuburan negara kita terus menurun. Pada tahun 2023, kadar kesuburan jumlah (TFR) hanya 1.7 bayi bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian 2.1 bayi. Jika trend ini berterusan, Malaysia bakal berdepan dengan populasi yang semakin menua menjelang 2030.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Masalah kesuburan sering kali dikaitkan dengan permasalahan wanita. Namun, **sebenarnya lelaki juga boleh menjadi punca masalah sukar untuk mendapatkan zuriat.**
6. Data LPPKN menunjukkan analisa air mani lelaki yang mendapatkan rawatan di LPPKN mencatatkan penurunan kualiti, daripada 39% keputusan abnormal pada 2010 kepada 60% pada 2019.

7. Malah, isu psikoseksual seperti mati pucuk dan ejakulasi pramatang turut menjadi faktor yang menyumbang kepada masalah kesuburan. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2022 menunjukkan **36.9% lelaki muda berumur 18-29 tahun mengalami masalah mati pucuk.**

8. Oleh itu, saya menyeru golongan lelaki agar tidak merasa malu atau segan untuk mendapatkan rawatan lebih awal. Semakin cepat masalah dikenalpasti, semakin tinggi peluang untuk mendapatkan rawatan yang berkesan serta meningkatkan peluang untuk memperoleh zuriat. **Lebih Awal, Lebih Baik.**

PELAKSANAAN PROGRAM BuAI

9. Menurut Perangkaan Penting Malaysia 2023, sebanyak **sepuluh negeri mencatatkan penurunan dalam kadar kesuburan jumlah** pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan kadar kesuburan jumlah terendah, masing-masing dengan 1.2 anak, manakala Terengganu merekodkan TFR tertinggi iaitu 2.9 anak bagi setiap wanita berumur 16 hingga 49 tahun.

10. Salah satu cabaran utama yang dihadapi pasangan ialah kos rawatan kesuburan yang tinggi. Kos rawatan Peranian Beradas (IUI) di pusat swasta dianggarkan antara RM2,000 hingga RM3,000 setiap kitaran, manakala rawatan IVF boleh mencecah RM30,000. Ini pastinya membebankan, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

11. Menyedari kepentingan sokongan kepada pasangan yang menghadapi masalah kesuburan, kerajaan telah memperuntukkan RM6 juta dalam Belanjawan 2025 bagi melaksanakan Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI).

12. Program ini akan memberi manfaat kepada 30,000 pasangan melalui tiga komponen utama:

- a. **Rawatan Kesuburan:** 1,300 pasangan akan dibiayai untuk maksimum dua kitaran rawatan IUI.
- b. **Kempen Kesedaran:** Advokasi kesihatan lelaki dan kesuburan menerusi pelbagai platform.
- c. **Perkhidmatan Sokongan:** Kaunseling, konsultasi, dan rawatan bagi meningkatkan kesejahteraan lelaki.

13. Kita sudah mulai melihat kejayaan awal program ini. Pada 18 Februari 2025, LPPKN telah merekodkan kehamilan pertama melalui Program BuAI. Ini membuktikan bahawa inisiatif ini mampu memberikan impak positif kepada pasangan yang sedang berusaha mendapatkan zuriat.

HARAPAN DAN MASA DEPAN

14. Kerajaan terus berusaha untuk memastikan rawatan kesuburan lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat. Kita juga sedang merancang penubuhan **Pusat Subfertiliti Negara** di Shah Alam yang dijangka siap pada tahun 2029. Pusat ini akan menjadi pusat rujukan utama dengan rawatan kesuburan berpatutan dan teknologi terkini.

15. Saya yakin bahawa dengan sokongan semua pihak, kita dapat membantu lebih ramai pasangan mencapai impian mereka untuk membina keluarga.
16. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI).

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

26 FEBRUARI 2025